

## Nasib sungai di Malaysia

Pengurusan bersepadu



Lawatan ke Ladang Ikan di Laut anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Bagan Lalang.

11 Oktober 2018 11:25 AM

Sejak 2005, hari Ahad terakhir dalam setiap September dipilih sebagai Hari Sungai Sedunia (WRD).

Malaysia dan 59 negara lain di dunia meraikan hari tersebut dengan melakukan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya dan bernilainya sungai kepada kehidupan manusia.

Hubungan manusia dengan sungai terjalin erat sekian lama. Sungai bukan sahaja menjadi sumber bekalan air domestik, malah ia adalah sumber air bagi pertanian, alat pengangkutan dan perhubungan, serta sumber rezeki.

Walau bagaimanapun, kemajuan dan pembangunan pesat serta pertumbuhan bandar, kawasan industri serta ekonomi, dan aktiviti perdagangan menyebabkan berlakunya konflik antara manusia dan sungai.

Hubungan 'mesra' manusia dengan sungai kini dikatakan hanya terjalin apabila mereka mengunjungi kawasan-kawasan rekreasi yang mempunyai sungai yang jernih airnya untuk berkelah dan melakukan aktiviti air.

Malangnya, kebanyakan sungai terutama di kawasan bandar semakin lesu dengan penampilan kotor, berbau busuk dan dipenuhi dengan sampah. Kualiti air pula dilaporkan rendah pada tahap Kelas 3 dan ada juga yang amat teruk pada tahap Kelas 5.

Aktiviti pembalakan dan guna tanah membabitkan perubahan hutan menjadi ladang terutama pembukaan ladang kelapa sawit turut memberi kesan besar kepada kualiti air sungai dengan jumlah pepejal terampai (TSS) yang tinggi menyebabkan air keruh.

Keadaan ini berlaku di dua cabang sungai utama di Kelantan iaitu Sungai Galas dan Sungai Lebir. Aktiviti pembukaan ladang kelapa sawit menyebabkan hilir Sungai Kelantan keruh dengan kadar TSS yang tinggi sepanjang tahun termasuk semasa musim kemarau dan tengkujuh.

Pakar air dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) **Profesor Dr. Maketab Mohamad** mendakwa, keadaan itu berpunca daripada tindakan agensi kerajaan dan syarikat pembekal air yang lebih mengutamakan kuantiti berbanding kualiti air yang diperlukan untuk dirawat.

Beliau berkata ini, antara lain, menyebabkan punca air tidak dijaga dengan baik.

“Hanya sungai di bahagian hulu sahaja yang dijaga tetapi apabila tiba di kawasan hilir, keadaan sungai sudah pun terjejas,” kata Dr. Maketab yang juga Pengarah Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTM.

Beliau menjelaskan air terawat sepatutnya diambil dari sumber air pada tahap Kelas 1 dan Kelas 2A sahaja berdasarkan Piawaian Kualiti Air Kebangsaan.

“Malangnya, kebanyakan punca air mentah adalah pada tahap Kelas 3 dan kadang-kadang sampai tahap Kelas 4 terutama untuk parameter TSS semasa musim tengkujuh,” dakwanya.

Ketiadaan polisi atau undang-undang baharu untuk memperbaiki keadaan sungai juga menyebabkan parameter TSS mencatat paras teruk di kebanyakan sungai Malaysia terutama di bahagian hilir.

Dr. Maketab berkata, kerajaan negeri mempunyai kuasa mutlak terhadap tanah, hutan dan air, namun ada pihak yang sanggup menggunakan kawasan hutan dan tadahan air bagi mendapatkan hasil untuk kepentingan sendiri, tanpa mengira kuantiti dan kualiti air.

Menurutnya, sistem sungai dan alirannya yang dinamik menyebabkan ia boleh bertukar ‘fungsi’ mengikut guna tanah dalam kawasan tadahannya.

“Ini menyebabkan anak-anak sungai boleh tertimbus, manakala sungai-sungai besar menjadi cetek akibat hakisan dan mendapan,” jelasnya.

Beliau berpendapat, jika pengurusan hutan ditambah baik dengan guna tanah diperbaiki menerusi pelaksanaan penanaman semula pokok-pokok di kawasan tadahan dan zon penampungan, ia boleh memperbaiki kerosakan yang berlaku.

“Namun, usaha itu memerlukan masa yang lebih lama untuk dilakukan,” katanya.

Antara kaedah terbaik dan berkesan untuk memulihkan sungai-sungai di Malaysia adalah dengan menerapkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya penjagaan alam sekitar termasuk pemuliharaan sungai.

Kesedaran ini perlu ditekankan sejak kecil seperti yang dilakukan di negara asing seperti Denmark, yang memberi pendidikan tentang penjagaan alam sekitar dari peringkat prasekolah lagi.

Kerajaan pusat dan negeri serta agensi-agensinya berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kementerian Pendidikan perlu merangka kurikulum yang memberi pendedahan awal tentang kesedaran alam sekitar secara berterusan dari peringkat prasekolah hingga ke universiti.

Sudah tiba masanya pihak berkenaan ‘membuka mata’ dan mengambil tindakan segera yang efektif bagi memastikan kawasan sungai dan tadahan air bebas daripada pencemaran.

Masih belum terlewat bagi kita untuk sama-sama mengharmonikan sungai demi kesejahteraan hidup dan generasi akan datang. – **BERNAMA**

Dalam pada itu, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, **Dr. Xavier Jayakumar** berkata, sungai merupakan salah satu sumber alam semula jadi dan juga merupakan khazanah yang perlu dipelihara supaya peranan dan fungsinya terus berkekalan dalam kehidupan seharian.

“Kita amat bertuah kerana dikurniakan sebanyak 189 lembangan sungai utama sebagai nadi kehidupan kepada masyarakat untuk menjalankan pelbagai aktiviti harian,” ujarnya.

Katanya, kebergantungan kepada sungai dan persekitarannya masih terus berkekalan, namun disebabkan sikap manusia yang kurang bertanggungjawab, kini kebanyakan sungai di negara semakin tercemar.

Sepatutnya kata beliau, masyarakat perlu menyedari bahawa sungai merupakan aset yang penting kepada kehidupan dan perlu dihargai serta diurus, dijaga dengan baik bagi mengekalkan kelestarian hidup.

Secara langsung ataupun tidak langsung semua hidupan di bumi ini hidup di sekitar kawasan lembangan sungai.

Oleh demikian, rakyat perlu sedar bahawa segala aktiviti yang dilakukan akan memberi kesan kepada kelestarian lembangan sungai yang merupakan sumber air.

"Bagi memastikan sungai diurus dengan baik dan terpelihara, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM). Ia merupakan kaedah terbaik," ujar beliau lagi

Pengurusan tersebut memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mencapai objektif iaitu memastikan air mencukupi, bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.

Dengan pelaksanaan IRBM itu, KATS berharap agar sungai serta lembangannya dapat dirancang pembangunannya dan diurus dengan baik bagi menjamin keselamatan, kelestarian hidup serta jaminan sumber air untuk pembangunan ekonomi dan warisan generasi akan datang.

### Tahukah anda?

I Malaysia mempunyai 189 lembangan sungai, dengan sebanyak 49 atau 26 peratus daripada jumlah keseluruhan lembangan di seluruh negara berisiko banjir.

I Adalah dianggarkan kira-kira 82 peratus air di dalam sungai mengalir terus ke laut .

I Keadaan sungai di Malaysia dikatakan semakin tenat terutama dengan masalah pencemaran akibat pembuangan sisa industri.

I Laporan media sebelum ini menyatakan sebanyak 229 daripada 473 sungai di seluruh negara kini tercemar.

I Kemerostan kualiti sungai memberi gambaran jelas sikap rakyat Malaysia yang kurang kesedaran tentang sungai dan kaedah pembuangan sisa pejal tidak teratur.

I Setiap tahun, ratusan ribu tan sampah dikutip dari sungai-sungai di seluruh negara.

Tag Berkaitan

Sains Semula Jadi


Semasa

### What is your reaction?

Powered by Vuukle




happy




unmoved




amused



excited



angry



sad

0 comments

Recommend 0

Write a comment

3000

Name

or

Email

I agree with Vuukle's [Privacy Policy](#)

POST